


COSMAS
menerima
Ijazah
Sarjana
Sastera
(Linguistik)
kelmarin.



Datuk 71 tahun terima ijazah Sarjana UMS

DE 25.11.18 2

KOTA KINABALU: Semangat dan iltizam Datuk Cosmas Julius Abah, 71, dalam meningkatkan pencapaian akademik wajar dijadikan model dan contoh terbaik oleh generasi muda atas kejayaannya menerima Ijazah Sarjana Sastera (Linguistik) pada Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) Ke-20, Sabtu.

Cosmas yang bersara pada 2003 dengan jawatan terakhir sebagai Pengarah Jabatan Air Sabah telah berjaya membuktikan faktor usia bukan penghalang untuknya melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi sekali gus menggenggam segulung ijazah sarjana dalam tempoh dua tahun setengah.

Anak jati Kampung Limbahau, Papar itu berkata meskipun meneruskan pengajian dalam bidang linguistik, satu jurusan disifatkan cukup berlainan dengan kepakarannya dalam bidang kejuruteraan awam sebelum ini, namun, ia adalah satu cabaran untuk memenuhi impian meneroka keindahan serta keistimewaan bahasa ibundanya iaitu bahasa Kadazan Papar.

"Kita boleh menuntut ilmu tanpa mengira umur dan itu adalah iltizam saya selain saya mempunyai semangat serta keinginan untuk memastikan bahasa linguistik (Kadazan Papar) terus dipelihara kerana jika tidak dipelihara dikuatiri ia akan pupus.

"Semangat dan keinginan (memelihara bahasa Kadazan Papar) serta doa itulah menjadi (kekuatan) untuk saya tidak cepat putus asa sekali gus berjaya menyelesaikan kajian dan pengajian," katanya ketika ditemui pemberita selepas menerima ijazah sarjana pada majlis konvokesyen itu, di sini.

Cosmas merupakan seorang daripada 793 graduan UMS yang menerima doktor falsafah; ijazah sarjana; ijazah sarjana muda; dan diploma pada sidang pertama konvokesyen itu yang disempurnakan oleh Yang Dipertua Negeri Sabah Tun Juhar Mahiruddin merangkap Canselor UMS.

Seramai 5,003 graduan UMS pada konvokesyen kali ini.

Mengulas lanjut, Cosmas yang mempunyai tiga anak dan empat cucu itu juga berhasrat melanjutkan pelajaran ke peringkat doktor falsafah jika mempunyai peluang dan keadaan mengizinkan.

Sementara itu, seorang graduan kerdil Abdul Sabah Mohd, 50, berkata kelainan fizikal dialaminya tidak melunturkan semangat menuntut ilmu sekali gus merealisasikan impian menggenggam segulung Ijazah Sarjana Sastera dalam bidang sejarah.

Pembantu tadbir di Pejabat Pendidikan Daerah Sandakan itu menyifatkan ilmu adalah segala-galanya dan setiap orang berhak melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.